

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

7,615 projek pembangunan bakal dilaksanakan

Satu mesyuarat dengan semua kementerian akan diadakan Khamis ini

7,615 projek pembangunan bakal dilaksanakan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID BACHOK

Sebanyak 7,615 projek pembangunan akan dilaksanakan pada tahun hadapan merangkumi 1,724 projek baharu dan 5,891 projek sambungan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pada Khamis ini, beliau dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali akan memperincikan mesyuarat Pemudah Cara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara dengan kesemua kementerian bagi memastikan persediaan pelan pelaksanaan masing-masing.

"Antara contoh projek pembangunan yang diluluskan dalam Bajet 2023 termasuklah penambahbaikan kemudahan infrastruktur di luar bandar; Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa

1B, Sabah; Sarawak Sabah Link Road Fasa 2, Sabah dan Sarawak dan Menak Taraf Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Senai Utara-Pandan (Johor Bahru) kepada enam lorong.

"Rancangan tebatan banjir di seluruh negara; Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan Kuarters di Kelantan dan Perak; Pembinaan Hospital Maran, Pahang; Pemuliharaan Muara Sungai Merang, Setiu, Terengganu; Program Perumahan Rakyat (PPR) Arau, Perlis; dan Dana Pemacu Pelaburan Langsung Asing," katanya ketika ditemui selepas bertemu selepas me-



MUSTAPA

lawat peserta Program Pambasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di Kampung Kubang Golok, di sini pada Ahad.

Menurut Mustapa, pelaksanaan projek pembangunan mengikut jadual amat penting bagi memenuhi aspirasi Keluarga Malaysia menikmati taraf sosio-



Mustapa (tiga dari kiri) duduk bertemu peserta BMTKM di Kampung Kubang Golok, Bachok pada Ahad.

ekonomi yang lebih baik.

"Semua isu perlu diselesaikan segera dan aset-aset kerajaan juga perlu diselenggara secara berkala bagi memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik untuk meningkatkan kualiti penyampaian.

"Antara peruntukan untuk projek menaik taraf dan

penyelenggaraan aset kerajaan termasuklah jalan negeri, jalan Persekutuan, sekolah-sekolah serta institusi pendidikan lain, aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan aset Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, RM1 bilion diperuntukkan bagi BMTKM bagi tahun 2023.

"Kerajaan berusaha untuk membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan Keluarga Malaysia pada akhir tahun 2025 seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) 2021-2025.

"Miskin tegar ada di seluruh negara dengan tertinggi di Sarawak diikuti Sabah, Kelantan dan Kedah," ujarnya.